

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
OLEH NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
Y.BHG PROF. DATO' DR MUSA BIN AHMAD**

**SEMPENA  
MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN DEBAT  
PIALA NAIB CANSOLOR 2016**

**13 MAC 2016 (AHAD) • 8.00 MALAM  
DEWAN KULIAH PUSAT (DKP) 3 USIM**

---

*Terima kasih Saudara/i pengacara majlis*

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera, Salam  
1 Malaysia dan Salam Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*

[Salutasi]

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, pada malam ini kita dapat jua bersama-sama menghadiri Majlis Penutup Kejohanan Debat Piala Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia kali ke – 9. Tahniah dan terima kasih kepada Kelab Debat USIM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar atas komitmen dan usaha dalam menerajui kejohanan ini. Sesungguhnya usaha ini sejajar dengan hasrat kerajaan di dalam Lonjakan 1 di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 iaitu Melahirkan Graduan Holistik, Seimbang dan Berciri Keusahawanan.

2. Pengucapan awam merupakan salah satu bidang yang cukup dikenali dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi mahupun peringkat sekolah. Ia merupakan satu wadah untuk meningkatkan daya fikir intelektual dan tahap pemikiran kritis disamping membentuk keterampilan dan sahsiah yang tinggi sebagai persiapan kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk berhadapan dengan masyarakat.
3. Justeru itu, saya sememangnya amat bersetuju dengan penganjuran Kejohanan Debat Piala Naib Canselor USIM pada tahun 2016 . Harapan saya, semoga dengan penganjuran Debat Piala Naib Canselor, USIM dapat mencungkil bakat pelapis-pelapis debat yang berkualiti demi mempersiapkan pasukan universiti dalam bidang pengucapan awam bagi mengharumkan nama universiti seterusnya menggarap kejayaan dipentas nasional mahupun global. Selain dapat mencungkil bakat-bakat baru, program seumpama ini juga dapat memupuk semangat siswa dan siswi untuk melibatkan diri secara langsung mahupun tidak langsung dalam pengurusan sesuatu program. Pertandingan seperti ini dapat memupuk sifat kerjasama antara pelajar dengan pelajar atau pelajar dengan staf-staf pentadbiran, sekaligus menguatkan hubungan antara mereka.
4. Pengucapan awam sememangnya amat penting khususnya di alam pekerjaan kelak. Pengucapan awam dapat membantu dalam penyampaian maklumat agar maklumat yang disampaikan difahami serta meyakinkan pendengar untuk menerima idea yang dilantunkan. Selain itu, pengucapan awam perlu dipenuhi dengan kata-kata yang

berfakta dan bermanfaat supaya ianya tidak nampak sekadar bualan kosong di mana pengucapan awam yang bermakna adalah hasil daripada bacaan yang berterusan.

5. Disamping itu, marilah kita mengambil iktibar daripada kisah perdebatan seorang tokoh Islam yang terkenal iaitu Imam Abu Hanifah dan Dahri seorang Atheis yang tidak percaya kewujudan Tuhan. Peristiwa ini berlaku di Masjid Jamek di tengah-tengah kota Baghdad dan ketika itu Imam Abu Hanifah masih lagi remaja belasan tahun. Di awal perdebatan, Dahri mencabar dan memperlekeh-lekehkan ulama dengan bersuara lantang dari atas pentas. Dia menafikan kewujudan Allah dengan hujah-hujah yang merosakkan pegangan akidah umat Islam. Abu Hanifah berjaya membidas kesemua hujahnya dengan yakin dan berani. Walau bagaimanapun, Dahri tidak mudah mengaku kalah dalam perdebatan itu sehinggalah dia bertanya Imam Abu Hanifah satu soalan yang terakhir iaitu “Apakah pekerjaan tuhanmu?”. Lantas Abu Hurairah tersenyum mendengar soalan itu.

Kata Abu Hurairah, “Ini soalan yang sungguh menarik. Jadi perlulah dijawab dari tempat yang tinggi supaya dapat didengar oleh semua orang,” katanya. Dahri yang sedari tadi mentalitinya dicabar terus berjalan turun meninggalkan mimbar masjid Jamek, memberi tempat untuk Abu Hanifah:

“Wahai sekalian manusia. Ketahuilah bahawa kerja Allah ketika ini ialah menggugurkan yang batil sebagaimana Dahri yang berada di

atas mimbar, diturunkan Allah ke bawah mimbar. Dan Allah juga telah menaikkan yang hak sebagaimana aku, yang berada di sana, telah dinaikkan ke atas mimbar Masjid Jamek ini... !”

Bagai halilintar, hujah Abu Hanifah menerjah ke dua-dua pipi Dahri. Seiring dengan itu bergemalah pekikan takbir dari orang ramai. Mereka memuji-muji kewibawaan Abu Hanifah yang berjaya menyelamatkan maruah Islam dari lidah Dahri yang sesat lagi menyesatkan itu. Begitulah kisah sejarah seorang tokoh Islam yang sangat bertaqwa kepada Allah yang mampu mengalahkan musuhnya dengan hujah yang bernas dan ilmu yang dicari olehnya.

**Ikhtiar dan Usaha Membawa Jaya,  
Pencapaian Dituai Mengharum Nama,  
Warga USIM Hebat Semuanya,  
Tersohor Universiti Seantero Dunia**

6. Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang telah bertungkus lumus sepanjang perdebatan ini. Sesungguhnya kalah dan menang itu adat pertandingan. Yang penting adalah niat dan usaha yang kita lakukan hanyalah untuk mendapat keredaan Tuhan.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Majlis Perasmian Penutupan Kejohanan Debat Piala Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia kali 2016.

Sekian, wabillahitaufik wal hidayah, wasaalamualaikum w.r.b